

Hepa juara badminton Piala Pengarah INOS

SH 214109 mls T23

MOHD BAZLIYUSOFF

KUALA TERENGGANU - Bahagian Hal Ehwal Pelajar Alumni (Hepa) menjuarai Kejohanan Badminton Piala Pengarah Institut Oceanography (INOS) kali keempat yang diadakan di Dewan Badminton Universiti Malaysia Terengganu (UMT), minggu lalu.

Pengarah kejohanan, Che Mohd Kamarul Anuar Abdullah berkata, kejohanan yang diadakan bertujuan mengeratkan hubungan dalam kalangan warga UMT itu berlangsung meriah.

"Melalui kejohanan ini, ia mampu mengeratkan silaturahim antara semua jabatan yang bertanding, sekali gus memupuk semangat perpaduan setiap ja-



● Pemain bergambar selepas pertandingan dengan Timbalan Pengarah INOS, Dr Zainuddin Bachok (enam dari kiri).

batan terbabit," katanya.

Menurut beliau, kejohanan itu juga adalah untuk mencungkil bakat baru dalam sukan badminton setiap jabatan untuk diketengahkan dalam pertandingan peringkat universiti

awam dan peringkat lebih tinggi lagi.

Katanya, dalam kejohanan ini, setiap jabatan masing-masing menghantar lima pasukan beregu bagi memberi peluang kepada semua kakitangan

berpeluang memperkenalkan bakat.

Beliau berkata, hadiah berupa hamper dan sijil kepada pemenang disampaikan Timbalan Pengarah INOS, Dr Zainuddin Bachok.

"Harapansaya kejohanan

ini berjaya mencapai matlamat dan apa yang penting adalah kejohanan ini mampu mendekati dan meraupkan hubungan antara setiap jabatan yang ada dalam UMT," katanya.

Sepanjang kejohanan se-

lama tiga hari itu, ia turut melibatkan pelbagai jabatan seperti Penyelidikan, Bendahari, Sains Teknologi, Pendaftaran, Hal Ehwal Pelajar Alumni, Pembangunan Harta dan Fakulti Maritim Sains Maritim.

aktifkan
KOMUNITI
anda